



KENYATAAN TAWARAN

No. Rujukan Iklan : BPPA (PEROLEHAN)/03-2025 (OKTOBER : 02)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dibawah kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

Bil	Tajuk Projek	Taraf Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Penjualan Dokumen	Harga Dokumen	Lawatan Tapak	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Tutup
1	KONTRAK SATU (1) TAHUN PERKHIDMATAN MEMOTONG RUMPUT DI KESELURUHAN KAWASAN UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	Khas Bumiputera	Mempunyai :- - Sijil Perakuan Pendaftaran (SSM) - Sijil Kementerian Kewangan (KKM) - Sijil Taraf Bumiputera (KKM) Kod Bidang KKM : 221002 (Membersih Kawasan)	Tempat Pembayaran: Pejabat Bendahari - (Atas talian atau transaksi penolakan menggunakan kad debit/kredit selepas sesi lawatan tapak diadakan) Tempat Pengambilan Dokumen: Pejabat Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasiliti, Aras 2, Blok Pentadbiran, UIS 14/10/2025 Hingga 21/10/2025	RM20.00	Lawatan Tapak adalah Diwajibkan Tarikh : 14/10/2025 (SELASA) Masa : 10.00 Pagi Tempat Berkumpul : AUDITORIUM DR. ZAINUDDIN JAFFAR, ARAS BAWAH, BLOK PENTADBIRAN UIS	Pejabat Bendahari, Aras 1, Blok Pentadbiran, UIS 21/10/2025 (SELASA) Jam 3.00 petang Peti Sebut Harga No : 04
(SILA BAWA SIJIL ASAL & SALINAN)							

Naskah lengkap Dokumen Meja Tawaran boleh dirujuk di :-

Tempat : Seksyen Kontrak dan Ukur Bahan,
Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasiliti (BPPF),
Universiti Islam Selangor (UIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Masa : Isnin - Khamis : 9.00 pagi - 12.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.
Jumaat : 9.00 pagi - 11.00 pagi dan 2.30 petang hingga 4.00 petang.

Tambahan : Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan SEBUT HARGA, sila hubungi :-
603-8911 7000 (Sambungan : 3210 / 1444) atau e-mel ke bppf@uis.edu.my

Kehadiran Penyebut harga ke **TAKLIMAT LAWATAN TAPAK** adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA DI DALAM SIJIL KELAYAKAN SAHAJA** yang boleh menghadiri taklimat dan **TIDAK BOLEH MEWAKILI PEGAWAI SELAIN DARIPADA PENAMA YANG DIBENARKAN SEPERTI DI DALAM SIJIL**. Dokumen Tawaran boleh dibeli selepas selesai Taklimat dan Lawatan Tapak.

Bayaran bagi **PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA** adalah seperti berikut :

- Atas talian (Online - Banking) terus kepada akaun Universiti Islam Selangor Sdn Bhd, (Bank Islam (M) Berhad, No. Akaun : 12 029 01 005835 2)
Bukti bayaran perlu diemel terus ke perolehan@uis.edu.my sehari sebelum pengambilan dokumen Sebut Harga ; atau
- Bayaran secara transaksi penolakan menggunakan kad debit/kredit di Kaunter Pejabat Bendahari.
* Resit rasmi UIS yang telah diterima perlu diserahkan kepada Bahagian Pembangunan & Pengurusan Fasiliti (BPPF) untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga.
- Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada pembekal-pembekal atau wakil yang SAH sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. Untuk maksud ini, pembekal-pembekal atau wakil hendaklah membawa SIJIL YANG BERKAITAN YANG MASIH SAH. Dokumen Sebut Harga yang telah sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk di sebelah kiri atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

PEJABAT BENDAHARI,
ARAS 1, BLOK PENTADBIRAN,
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
BANDAR SERI PUTRA,
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

Dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 04** di **PEJABAT BENDAHARI, Aras 1, Blok Pentadbiran, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam **3.00 Petang** seperti tarikh tutup di atas.

Universiti Islam Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.